

TIGA MALAIKAT DAN ANDA



Aktiviti Mak Cik Ida Yang Aneh





Aktiviti Mak Cik Ida yang Aneh

Connie dan sepupunya Mattie sedang mencabut rumput di kebun di bawah terik matahari musim panas.

Connie telah masuk ke rumah untuk minum air, di mana dia bertembung dengan Mak Cik Ida. Sekembalinya dia ke kebun, Connie bertanya kepada Mattie jika benar bahawa Mak Cik Ida telah terlibat dalam beberapa aktiviti pelik.

“Ya,” Mattie menjawab. “Mak Cik Ida kata dia boleh memanggil roh dan bercakap dengan orang mati!”

Connie terkejut. “Adakah kamu serius?” dia bertanya.

“Ya, saya serius”, Mattie menjawab. “Suatu masa, Mak Cik Ida pernah mendakwa bahawa ada roh yang memberitahu dia bahawa ada harta karun yang tertanam di bawah kolong. Dia menghabiskan seminggu menggali di bawah kolong rumah!”

“Apa yang dia temui?” Connie bertanya, sedikit takut.

Tiada satu benda pun!” Mattie menjawab.

Connie menghela nafas lega. Kedua-dua gadis itu berbual-bual lagi, tetapi Connie lebih gembira daripada biasa apabila bapanya muncul untuk membawanya pulang. Berada di sekitar Mak Cik Ida membuatnya tidak selesa, terutamanya selepas mengetahui dia mendakwa boleh bercakap dengan orang mati! *Mak Cik Ida mungkin fikir ia hanya sebagai satu hiburan yang tidak berbahaya, tetapi saya tidak!* Connie berfikir.

Di Pinggir Jurang

Yesus pernah memerintahkan beberapa roh jahat (setan) untuk keluar dari tubuh dua orang lelaki. Peristiwa itu menjadi sesuatu yang sukar dilupakan. Alkitab memberitahu apa yang berlaku seterusnya:

“Tidak jauh dari situ, ada kawanan babi yang sedang makan. Roh-roh jahat itu memohon kepada Yesus, “Jika Engkau hendak memerintah kami keluar, suruhlah kami masuk ke dalam kawanan babi itu.” ‘Pergilah,’ kata Yesus. Dengan segera roh-roh jahat itu meninggalkan kedua-dua orang itu lalu masuk ke dalam kawanan babi itu. Semua babi itu lari ke pinggir jurang, terjun ke dalam tasik lalu tenggelam” (Matius 8:30-32).

Kita mungkin tidak tahu banyak tentang dunia roh-roh jahat, tetapi kita boleh tahu cukup untuk menjauhkan diri daripadanya! Idea bahawa jiwa tidak benar-benar mati diajarkan di banyak gereja hari ini di seluruh dunia. Tetapi ia adalah kebohongan, atau “wain yang memabukkan,” seperti mana yang dikatakan oleh malaikat kedua. Ia adalah kepalsuan yang didorong oleh Syaitan dan kuasa-kuasa gelapnya. Kuasa-kuasa itu benar-benar wujud dan ingin memimpin anda ke arah kebinasaan kekal. Sekarang adalah masa untuk berdiri demi kebenaran Alkitab dan mengongsikannya sebelum terlambat.

*Bagaimana jika Mak Cik Ida telah menunjukkan kepada saya bagaimana untuk memanggil dan mendengar suara roh-roh yang pelik? Malam itu Connie membuat keputusan untuk tidak terlibat dalam “permainan” yang berbahaya.**

Jadi, ada apa dengan perkara ini? Mengapakah Mak Cik Ida tidak boleh bercakap dengan orang mati? Lagipun, apabila seseorang meninggal dunia, bukankah mereka pergi ke suatu tempat? Kenapa pula seorang pendeta akan mengatakan sesuatu seperti “Saudara John kini berada di syurga, melihat kita dari atas sana”? Itu bergantung kepada apa sebenarnya yang pendeta dan orang tersayang orang mati itu percaya. Malangnya, terlalu banyak orang Kristian telah jatuh ke dalam penipuan bahawa orang mati tidak benar-benar mati. Oh, tubuh mereka mungkin akan dikebumikan, tetapi “jiwa” mereka pergi ke syurga atau neraka atau di suatu tempat di antara keduanya. Tetapi, adakah itu yang diajarkan Alkitab? Dan jika ia tidak mengajar perkara itu, adakah perkara-perkara lain yang Kristian mungkin telah tersalah anggap?





Malaikat Kedua Bersuara

Dalam Wahyu 14, mesej misteri disampaikan oleh satu lagi malaikat. Selesaikan teka-teki bergambar untuk mendapatkan mesej tersebut. Tulis jawapan anda pada garisan kosong di bawah teka-teki.

Datanglah



kedua yang



"Kota

31324

1=A 3=B
2=E 4=L

sudah



!

Kota besar itu sudah



!

Perbuatan cabul



— mah

Babel

merosakkan semua

1. Brazil 2. Australia
3. Norway 4. Ghana
5. Sri Lanka 6. Amerika
Petunjuk: Lihat huruf pertama

, seperti



yang memabukkan mereka."

(Wahyu 14:8).

Anda mungkin ingat bahawa malaikat pertama menyeru pengikut Tuhan untuk bergantung kepada Yesus bagi keselamatan kita dan untuk menghormati Tuhan Pencipta yang benar. Malaikat yang sama juga mengumumkan bahawa Masa Keadilan Kosmik telah bermula. Tetapi apakah mesej yang ingin disampaikan oleh malaikat kedua ini? Seperti sebahagian besar Wahyu, mesej ini ditulis dalam jenis kod. Itu bermakna kita perlu mencari maksud sebenar di sebalik perkataan itu. Syukurlah, Alkitab sendiri mengandungi kunci untuk membantu kita memahami mesej tersebut.

Pada satu masa dalam sejarah, Babel adalah sebuah bandar yang benar-benar wujud dan sangat jahat. Kemudian, dalam Alkitab, perkataan “Babel” menjadi sesuatu yang melambangkan idea-idea kerohanian yang telah bercampur aduk atau bahkan dibuat-buat. Membongkar 'kod' Wahyu 14:8 melibatkan penghubungan ayat-ayat Alkitab yang sesuai. Beberapa ayat ini termasuklah Kejadian 11:3, 4, Yesaya 14:3, 4, dan 12, Wahyu 17:5 dan 18:2-4. Dengan ayat-ayat ini dan beberapa ayat yang lain, idea utama di sebalik mesej malaikat kedua menjadi jelas:

Kekuasaan akhir zaman di sebalik idea-idea rohani yang salah ini telah runtuh.

Jadi, siapakah yang membentuk "kuasa akhir zaman" ini? Sebuah kumpulan keagamaan yang telah menjadi sangat kuat sehingga orang-orang di seluruh dunia (“bangsa”) telah memilih untuk mengikut ajaran-ajarannya dan bukannya apa yang diajar oleh Alkitab. Seperti yang dikatakan oleh malaikat kedua itu, pengikut-pengikut Babel telah “mabuk” dalam kerohanian mereka dari “wain” ajaran-ajaran sesat tersebut. Ini membawa kepada perhubungan yang tidak suci dengan Tuhan. (Dalam Wahyu 14:8, “cabul” bermaksud “kotor/tidak baik”). Mari kita lihat kepada dua ajaran yang popular tetapi salah ini yang diikuti oleh begitu banyak orang.



Hal Kehidupan dan Kematian

Dalam cerita “Aktiviti Mak Cik Ida yang Aneh,” Mak Cik Ida percaya bahawa dia boleh bercakap dengan orang mati. Apakah yang sebenarnya Alkitab katakan tentang orang mati? Baca ayat-ayat Alkitab berikut dan tulis apa yang anda fikir mereka maksudkan pada batu nisan.

Pengkhotbah 9:5, Mazmur 6:5



Hari ini, ramai orang diajar bahawa badan orang mati masuk ke dalam tanah, tetapi 'jiwa' mereka terus hidup. Mereka mendakwa bahawa jiwa adalah “abadi”, yang bermaksud bahawa ia tidak mati. Baca Kejadian 3:2-4. Siapakah yang mengatakan dusta pertama bahawa orang tidak akan mati? _____

Sekarang, bacalah 1 Timotius 6:13-16. Menurut ayat-ayat Alkitab ini, siapakah sahaja yang tidak boleh mati? _____

Kematian Adalah Penciptaan Yang Diterbalikkan

Kejadian 2:7 memberitahu bagaimana Tuhan menciptakan manusia pertama:

“Kemudian Tuhan mengambil sedikit tanah dan membentuk manusia, lalu menghembuskan nafas yang memberi hidup ke dalam lubang hidungnya; maka hiduplah manusia itu.”

Formula bagi kehidupan dan kematian kelihatan sesuatu seperti ini:

KEHIDUPAN

**Tanah
(bahan)
+ Nafas Tuhan**

Kehidupan

KEMATIAN

**Kehidupan
(jiwa manusia)
– Nafas Tuhan**


Kematian

KEBANGKITAN

**Tanah
(bahan)
+ Nafas Tuhan**

Kehidupan kekal

Kematian adalah penciptaan yang diterbalikkan. “Jiwa” seseorang tidak pergi ke syurga apabila mereka mati. Jadi, jika anda berada di tempat pengebumian dan anda mendengar seseorang mengatakan bahawa orang yang meninggal telah “pergi ke tempat yang lebih baik”, ingatlah apa yang sebenarnya diajarkan Alkitab!





Perjuangan Yang Sebenar

SETI sedang menjalankan misi. Tidak, “SETI” bukanlah nama robot atau peranti digital. Ia bermaksud Search for Extra-Terrestrial Intelligence (Pencarian tentang Perisikan Makhhluk Luar Angkasa). Ia adalah rangkaian orang dan organisasi yang cuba untuk mengetahui sama ada benar atau tidak bentuk kehidupan yang lain wujud di tempat lain di alam semesta ini.

Alkitab mengatakan mereka wujud, walaupun mereka mungkin tidak akan muncul pada mana-mana peranti yang digunakan oleh penyelidik SETI. Walaupun kita mungkin tidak tahu tentang setiap makhhluk yang wujud di luar sistem suria kita sendiri, Kitab Suci menyebut sekurang-kurangnya dua jenis: malaikat yang baik dan yang jahat. Malaikat yang baik adalah utusan Tuhan dan bekerja bagi pihak kita (Ibrani 1:14). Matlamat malaikat jahat adalah untuk mendorong kita ke dalam kem Setan. Pertempuran ini sering berlaku di belakang tabir kehidupan kita dan sejarah manusia. Rasul Paulus memberikan penerangan penting mengenai perkara ini:

“Sebab, perjuangan kita bukan melawan daging dan darah, tetapi melawan pemerintah-pemerintah, penguasa-penguasa, kekuatan-kekuatan dunia kegelapan ini, dan melawan kekuatan roh dari si jahat yang ada di langit.” (Efesus 6:12, AYT)

Dalam dunia hari ini, ramai orang tidak percaya kepada makhhluk ghaib. Yang lain hanya tidak mengambilnya dengan serius. Malah, kuasa-kuasa jahat kadang-kadang menjadi topik budaya popular dan hiburan media. Bolehkah anda memikirkan beberapa contoh?

Sekarang ini, anda boleh melihat masalah yang timbul apabila mempercayai bahawa “jiwa” tidak pernah mati: ia membuat orang-orang seperti Mak Cik Ida berfikir bahawa mereka benar-benar bercakap dengan orang mati! Baca Wahyu 12:9. Siapakah sebenarnya yang berkomunikasi dengan orang-orang seperti Mak cik Ida?



Adakah Malaikat-Malaikat Jahat Akan “Mengambil” Saya?

“Sesiapa yang mengikuti Kristus sentiasa selamat di bawah pengawasan-Nya. Malaikat-malaikat yang unggul dalam kekuatan dihantar dari langit untuk melindungi mereka. Kuasa kejahatan tidak akan dapat menembusi pengawal yang ditempatkan oleh Tuhan di sekitar umat-Nya”
(*The Great Controversy*, ms. 517).



Alkitab sangat menekankan hal tentang menjauhkan diri dari roh jahat. Berikut adalah salah satu contohnya:

“...Jangan biar sesiapa pun di kalangan kamu...menggunakan jampi atau ilmu sihir, atau mengadakan hubungan dengan roh orang mati. [Kerana] Tuhan membenci orang yang melakukan perbuatan keji itu.” (Ulangan 18:10-12)

Sekiranya anda tidak pasti apa maksud “keji,” berikut adalah beberapa sinonim:

- | | | |
|---------------|------------|---------|
| • kurang ajar | • terkutuk | • hina |
| • kotor | • buruk | • jahat |

Adakah anda memahaminya? Oleh itu, mengapakah Tuhan mahu kita menjauhkan diri daripada roh-roh jahat, yang kadang-kadang dipanggil ilmu mistik? Salah satu sebabnya terdapat dalam 1 Timotius 4:1. Tulis perkataan sesuai dari ayat tersebut untuk melengkapkan ayat di bawah:

Roh-roh jahat bekerja untuk _____ orang daripada mengajar mereka tentang kebenaran Tuhan.

Tidak ada alasan yang baik untuk bermain-main dengan kuasa gelap. Ia akan membawa anda ke suatu tempat yang anda tidak mahu pergi.

[illegible]

[illegible]

Copyright © 2022 by the General Conference Corporation of Seventh-day Adventists®
Produced by the General Conference Children's Ministries Department
Published by the Review and Herald® Publishing Association
Printed by Alpha Impressions, Inc.

Printed in the United States of America
All Rights Reserved

The author assumes full responsibility for the accuracy
of all facts and quotations as cited in this study guide.

Study guides by Randy Fishell
Design by Daniel Añez
Illustrations by Chris Danger

All Scripture quotations are from the New International Version (NIV) Holy Bible,
New International Version®, copyright © 1973, 1978, 1984, 2011 by Biblical, Inc. ®
Used by permission. All rights reserved worldwide.
June 2022
www.faithfinders.com

*Diadaptasi dari “Evil Fascination” oleh Connie Kutac, Guide, 7 September 2019

Jawapan: Malaikat Kedua Bersuara: Datanglah malaikat kedua yang berkata, “Kota Babel sudah jatuh! Kota besar itu sudah jatuh! Perbuatan cabul kota Babel merosakkan semua bangsa, seperti wain yang memabukkan mereka.”; Hal Kehidupan dan Kematian: Setan (ular), Tuhan; Roh-roh jahat bekerja untuk memperdayakan/menyesatkan orang daripada mengajar mereka tentang kebenaran Tuhan.



Adventist[®]
Children's Ministries
GENERAL CONFERENCE WORLD HEADQUARTERS